

TAHAP LITERASI KEWANGAN, MASALAH KEWANGAN DAN TEKANAN DALAM KALANGAN MAHASISWA

Rozita Baba

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka

Nur Zafirah Muhammad Nor

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka

Juwairiah Hassan

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Melaka

Corresponding Author's Email: rozita@unimel.edu.my

Article history:

Received : 16 November 2022

Accepted : 17 November 2022

Published : 27 December 2022

ABSTRAK

Peningkatan kos sara hidup menjadi topik perbincangan di pelbagai peringkat umur terutamanya di kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi. Mahasiswa seharusnya mempunyai kemahiran asas di dalam menguruskan kewangan terutamanya di dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu pada masa kini bagi mengelakkan mahasiswa terjebak di dalam masalah kewangan. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan kewangan, masalah kewangan serta tekanan dalam kalangan mahasiswa. Kajian yang berbentuk kuantitatif ini dilakukan dengan mengaplikasi analisis deskriptif, analisis korelasi dan regresi bagi mengenalpasti hubungan dan pengaruh literasi kewangan serta masalah kewangan terhadap tekanan pelajar. Seramai 127 orang pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) telah dipilih berdasarkan persampelan rawak mudah. Data dikumpul melalui pendedaran *google form* berbentuk soalan tertutup dan skala likert. Hasil dapatan kajian menunjukkan hanya satu daripada dua pemboleh ubah tidak bersandar iaitu masalah kewangan mempengaruhi tekanan mahasiswa. Selain itu, skor min bagi tahap literasi mahasiswa adalah tinggi. Justeru, kajian ini diharapkan dapat membantu mahasiswa dalam mengurus amalan kewangan mereka di masa hadapan.

Kata kunci: literasi kewangan; masalah kewangan; tekanan mahasiswa

THE LEVEL OF FINANCIAL LITERACY, FINANCIAL PROBLEMS AND PRESSURE AMONG UNIVERSITY STUDENTS

ABSTRACT

The increase in the cost of living is a topic of discussion at various age levels, especially among students in higher education institutions. Students should have basic skills in managing finances, especially in the current uncertain economic situation to avoid students getting stuck in financial problems. This study aims to identify the level of financial knowledge, financial problems and stress among students. This quantitative study was carried out by applying descriptive analysis, correlation and regression analysis to identify the relationship and influence of financial literacy and financial problems on student stress. A total of 127 students of Public Institute of Higher Education (IPTA) and Private Institute of Higher Education (IPTS) were selected based on simple random sampling. Data was collected through the distribution of a google form in the form of closed questions and a likert scale. The results of the study show that only one of the two independent variables, namely financial problems, affects student stress. In addition, the mean score for the students' literacy level is high. Therefore, this study is expected to help students in managing their financial practices in the future.

Keywords: *Financial literacy; financial problems; student stress*

PENGENALAN

Kerisauan melihat kejatuhan ringgit Malaysia yang semakin menjadi-jadi, kejatuhan harga minyak terkini yang negara Malaysia amat bergantung harap, kemelesetan, dan lonjakan kos sara hidup yang masih lagi tidak menampakkan tanda-tanda untuk pulih serta banyak lagi aktiviti perdagangan di seluruh dunia terjejas disebabkan wabak COVID-19. Namun begitu, menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, proses pemulihan ekonomi negara pasca-pandemik berada pada momentum terbaik selepas beberapa langkah yang diambil telah menunjukkan hasil memberangsangkan. Malah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada suku kedua 2022 adalah sebanyak 8.5% (Niaga Awani, 25 Okt. 2022)

Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan kepada seluruh penduduk Malaysia, malah yang lebih terkesan adalah pelajar di peringkat pengajian tinggi. Pelajar di peringkat tinggi memerlukan wang untuk menampung kos pembelajaran dan kos sara hidup di universiti. Kos pendidikan tinggi di institusi pendidikan awam dan swasta semakin meningkat hari demi hari. Situasi ini berlaku disebabkan kenaikan yuran pengajian, harga buku dan bahan pembelajaran, perbelanjaan makan dan minum, pakaian, penginapan, dan telekomunikasi. Sumber kewangan yang terbatas menghalang niat pelajar meneruskan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Pelajar yang tabah

dan masih ingin belajar perlu melakukan kerja sambilan bagi meneruskan kelangsungan hidup sebagai pelajar dan pada masa yang sama membantu keluarga. Keadaan ini boleh menyebabkan mereka hilang fokus terhadap pelajaran dan memberi kesan negatif kepada prestasi akademik.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini, pengurusan wang adalah sangat penting bagi peningkatan kualiti hidup serta meneruskan kesinambungan kehidupan. Ilmu pengetahuan berkaitan literasi kewangan meliputi simpanan atau tabungan, perbelanjaan, pengurusan hutang yang bijak, pengurusan risiko atau perlindungan insurans atau takaful dan juga pelaburan sangat penting. Pengurusan wang setiap individu adalah berbeza mengikut kesesuaian masing-masing. Huriyatul & Yogi (2016) berpandangan bahawa literasi kewangan merupakan antara salah satu daripada sepuluh kecerdasan yang harus dimiliki. Pengetahuan kewangan atau celik kewangan penting untuk menghindarkan pekerja sektor awam menanggung bebanan hutang yang melampau. Malah, gelagat kewangan sangat dipengaruhi oleh pengetahuan kewangan (Dana, M. R., & Low, K.C, 2020). Azmi et al. (2019) pula mendapati pengetahuan kewangan mempengaruhi amalan pengurusan kewangan mahasiswa.

Allah SWT telah menciptakan manusia sebagai khalifah dalam menguruskan kehidupan mereka di dunia. Surah al-Baqarah ayat ke-29 menggambarkan satu tanggungjawab yang besar untuk dipikul oleh manusia khususnya umat Islam sebagai khalifah atau pentadbir alam ini. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.”*

Semua ini hanyalah bertujuan untuk mendapatkan keredhaan serta rahmat Allah SWT di dunia dan akhirat. Perancangan dan pengurusan kewangan juga adalah salah satu elemen di dalam kuasa pentadbir yang dirangkumkan bersama sifat khalifah seperti yang dinyatakan tadi. Jika diperincikan, pengurusan kewangan amat penting bagi pembentukan kehidupan setiap individu, pembangunan masyarakat malah sehingga kepada pembentukkan negara maju dan berjaya. Bagi setiap individu, keperluan kepada kewangan bagi memenuhi kelestarian kehidupan amat kritikal sehingga perlu kepada pengurusan kewangan yang tepat dan sistematik. Kelangsungan kehidupan semasa dan pada masa hadapan merupakan elemen yang perlu diambil kira sebagai kepentingan untuk menguruskan kewangan secara terperinci dan teliti. Hakikat ini diterjemahkan pula kepada kelangsungan interaksi sosial di antara anggota masyarakat, yang mana melalui pengurusan kewangan yang sistematik, dapat menggalakkan kehidupan yang harmoni serta mewujudkan sistem ekonomi yang stabil di dalam sesebuah komuniti sosial di dalam negara kita.

Justeru itu, kajian ini dijalankan dengan dua objektif. Pertama, mengenalpasti tahap literasi kewangan. Dan kedua mengenalpasti faktor yang mempengaruhi tekanan mahasiswa.

SOROTAN LITERATUR

Literasi Kewangan

Literasi kewangan boleh didefinisikan sebagai kebolehan untuk menguruskan sesuatu yang berkaitan dengan wang. Menurut Aladdin, Y. H., & Ahmad, A. (2017, April), literasi kewangan ditakrifkan sebagai pengetahuan, prinsip, konsep dan alat-alat teknologi asas yang membolehkan seseorang itu menjadi bijak berkenaan kewangan. Selain dari definisi literasi kewangan, literasi kewangan turut bergantung pada tahap literasi kewangan yang dimiliki dan bagaimana literasi mempengaruhi masalah kewangan. Nor Syahidah, N., & Norasmah, O. (2018) pula mendapati literasi kewangan bagi pelajar kolej dan universiti sekitar Bangi adalah pada tahap yang tinggi. Tahap literasi kewangan yang rendah akan menyebabkan pengurusan kewangan yang tidak baik kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dalam pengurusan kewangan peribadi (Selvanathan, M., Krisnan, U. D., & Wen, W. C., 2016).

Kajian yang telah dijalankan oleh Dahlia et al., (2009) telah menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa di universiti tidak merancang perbelanjaan mereka dengan baik kerana kebanyakan mereka masih dibiayai oleh ibubapa atau penjaga walaupun terdapat sumber kewangan lain seperti pinjaman pelajaran (PTPTN) ataupun biasiswa. Individu yang mempunyai tahap literasi kewangan yang tinggi lebih cenderung untuk merancang bajet serta merekodkan perbelanjaan mereka agar tidak berbelanja melebihi pendapatan yang mereka peroleh. Individu yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah akan lebih terdedah dengan masalah kewangan. Oleh sebab itu, individu yang gagal menguruskan kewangan mereka kerana tidak mempunyai pengetahuan akan menyebabkan mereka lebih cenderung untuk mempunyai masalah kewangan dan diisytiharkan muflis. Mohd Samsuri, Ilyani, Siti, Nur Afizah & Azmi (2017) telah menjalankan kajian literasi kewangan ke atas 207 orang pelajar sekolah menengah di Pahang, Malaysia dan mendapati bahawa pelajar sekolah menengah tidak mempunyai literasi kewangan di mana mereka hanya mendapat skor sebanyak 50.01. Skor min yang ditetapkan bagi tahap lulus adalah 70 ke atas. Selain itu, pelajar perempuan di sekolah menengah Malaysia mempunyai literasi kewangan yang lebih baik daripada pelajar lelaki. Namun begitu, perbezaan literasi kewangan antara etnik adalah tidak signifikan di mana skor min bagi pelajar Melayu (51.37), Cina (47.56) dan India (50.50).

Selain dari kesan tahap literasi kewangan terhadap masalah kewangan, literasi kewangan juga mempengaruhi gelagat kewangan (Dana, M. R., & Low, K. C., 2020). Terdapat kajian yang telah dilakukan berkaitan literasi kewangan terhadap pelajar Pendidikan Ekonomi yang mendapati literasi kewangan ini mempunyai sumbangan positif dan signifikan terhadap gelagat kewangan. Berdasarkan kajian tersebut, pelajar dengan literasi kewangan yang tinggi mempunyai gelagat kewangan yang baik, dan pelajar yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah cenderung membuat pembelian barang dan perkhidmatan mengikut kehendak mereka (Arofah, Purwaningsih, & Indriayu, 2018). Kajian terdahulu mendapati pendidikan ekonomi atau kewangan

memainkan peranan yang penting dalam mengubah gelagat kewangan pelajar, misalnya menyimpan wang untuk masa depan (Hahn, Jang, & Park, 2014). Manakala kajian Nurul Liyana Hussin, Liyana Syazwina Rosli (2019) kepada mahasiswa/i di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) mendapati tiga elemen penting yang mempengaruhi literasi kewangan dalam kalangan mahasiswa/i iaitu pendidikan kewangan, sikap terhadap wang serta pengaruh nasihat dan didikan ibu bapa.

Edirisinghe, Keerthipala, dan Amarasinghe (2017) telah menjalankan kajian terhadap pelajar sarjana muda dari tiga buah universiti di Sri Lanka dan mendapati tahap literasi kewangan pelajar berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian tersebut turut menunjukkan literasi kewangan bukan sahaja memberi kesan kepada gelagat kewangan malah menjadi pengukur kesejahteraan kewangan individu itu sendiri. Manakala, Xiao, Ahn, Serido, dan Shim (2014) meneliti hubungan antara pengetahuan, literasi kewangan dan gelagat kewangan dalam kalangan pelajar universiti di Amerika Syarikat. Dalam kajian yang dilakukan oleh mereka menunjukkan perbezaan pengetahuan subjektif dan objektif dalam gelagat kewangan. Mereka berpendapat bahawa pengetahuan objektif dalam kewangan memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan gelagat kewangan berisiko yang ekstrem dalam kalangan pelajar.

Golongan belia merupakan golongan yang rendah dalam literasi kewangan. Mereka seharusnya didedahkan dengan ilmu literasi kewangan yang luas kerana, majoriti individu yang diisytiharkan bankrap adalah terdiri daripada golongan muda. Jabatan Insolvensi Malaysia (2017), telah mengeluarkan statistik bahawa seramai 134,550 individu telah diisytiharkan muflis sepanjang tahun 2007 sehingga Jun 2013. Jumlah kes kebangkrutan ini telah meningkat kepada 300,958 kes pada tahun 2017. Punca peningkatan muflis di antara tahun 2007 hingga 2013, adalah disebabkan oleh hutang sewa beli kenderaan iaitu sebanyak 30,452 kes, diikuti pinjaman perumahan 20,529 kes, pinjaman peribadi sebanyak 18,053 kes dan pinjaman perniagaan sebanyak 14,431 kes (Aisyah & Wajeeha, 2016). Melalui statistik yang telah diberikan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia, 25.4% daripada mereka adalah berumur 34 tahun dan ke bawah. 34.4% berada dalam umur 35 sehingga 44 tahun dan selebihnya adalah berumur 45 dan ke atas. Jelas disini bahawa majoriti individu yang diisytiharkan bankrap adalah di kalangan belia.

Masalah Kewangan

Masalah kewangan berpunca daripada pelbagai aspek. Jika tidak ditangani dengan baik boleh menyebabkan masalah yang lebih besar seperti muflis. Faktor-faktor penyebab kepada muflis yang dikenal pasti adalah pengetahuan pengurusan kewangan yang rendahsikap terhadap wang, pengaruh persekitaran dan senario keberhutangan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor senario keberhutangan menjadi faktor utama golongan belia muflis. Keputusan kajian juga menunjukkan asbab faktor itu terjadi kerana sikap mereka terhadap wang serta cara menguruskan kewangan mereka (Syah, N. A. N. M., Sha'ari, H., Nasir, W. N. W. M., & Razaki, M. M, 2022). Selain itu, kemiskinan bandar telah

memberi kesan yang ketara kepada pembangunan pendidikan anak-anak yang mana ia telah menyebabkan berlakunya keadaan yang dikatakan sebagai keciciran dalam pendidikan (Choi, Á., & Calero, J., 2018 & Abdullah et al., 2019). Kemiskinan memberi kesan yang buruk kepada perkembangan pembangunan pendidikan negara. Ia menyebabkan tahap motivasi bagi menyambung pelajaran menjadi semakin menurun. Ia juga menyebabkan pelajar hilang fokus terhadap pelajaran. Mereka akan cenderung untuk bekerja sambil belajar bagi menampung kos pengajian mereka (Zin, N. A. M., & Tambi, N., 2018).

Selain itu, faktor kemiskinan juga merupakan masalah kewangan yang utama yang perlu dipandang serius. Faktor kemiskinan dan masalah kewangan ini telah menjadi faktor penghalang kepada keupayaan seseorang individu itu bagi mendapatkan peluang pendidikan yang lebih tinggi. Kemiskinan juga dikenalpasti sebagai faktor penghalang yang menyebabkan seseorang pelajar itu perlu menanggukkan hasrat melanjutkan pelajaran pada usia yang sepatutnya iaitu 18 tahun sehingga 25 tahun (Abd Aziz, W. N. A. W., Ahmad, F., & Hanif, N. R., 2011). Namun masalah dalam pendidikan terutama masalah keciciran dalam kalangan pelajar sering berlaku di peringkat pendidikan tinggi dan beberapa faktor telah dikenalpasti sebagai punca keciciran. Masalah disebabkan oleh kewangan, kesihatan, keluarga, disiplin dan tidak berminat lagi untuk belajar telah dikenalpasti sebagai antara punca keciciran pelajar (Rosli, H. F., Othman, N., & Othman, N., 2021).

Masalah kewangan yang dihadapi pelajar telah mengakibatkan pelajar IPT membuat kerja sambil bagi menampung perbelanjaan di universiti. Hubungan yang signifikan antara faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor masalah kewangan dengan penglibatan mahasiswa dalam kerja sambil (Nadzri et al., 2016; Baba, R., Nor, N. Z. M., & Hamzah, M. A. F., 2018 dan Aladdin, Y. H., & Ahmad, A. (2017, April). Begitu juga dapatan kajian oleh Abdul-Rahman, A., & Zulkifly, W. (2016), pelajar disarankan membuat kerja sampingan seperti pembantu juru jual, pembantu pam minyak, perniagaan online berasaskan internet, pengajar sambil kelas tuisyen dan pekerjaan yang sesuai dengan tahap kemampuan seseorang. Nordin, H & Singh, D. (2018) bekerja sambil belajar adalah sangat perlu bagi pelajar pasca siswazah mendapatkan sumber kewangan. Kini terbukti ramai pelajar siswazah dapat menyelesaikan pengajian mereka kerana memiliki kewangan yang mencukupi bagi menyelesaikan pengajian mereka di universiti. Kajian ke atas pelajar siswazah Pengajian Islam di universiti awam menghadapi masalah kewangan dan dapat diatasi dengan cara pelajar bekerja sambil (Munir, A., & Muhamad, N., 2019).

Perkara lain yang menjadi penyebab kepada masalah kewangan ialah peningkatan kos sara hidup yang semakin tinggi serta lain-lain kos pembelajaran semasa di universiti seperti pembelian buku, bayaran yuran semester, membiayai kos makan minum dan kos pengangkutan harian telah mengakibatkan pelajar terpaksa memastikan kewangan yang mencukupi untuk pelbagai perbelanjaan (Seman, A. P., & Ahmad, A., 2017). Perubahan harga minyak telah menyebabkan pelajar menghadapi peningkatan kos harian dalam pemilihan mod pengangkutan seperti penggunaan kenderaan persendirian dan penggunaan

pengangkutan awam. Hasil kajian yang dijalankan menunjukkan kenaikan harga minyak tidak memberikan perubahan yang signifikan terhadap perubahan corak perjalanan responden secara umum. Namun terdapat sedikit perubahan ke atas corak perjalanan responden seperti pengurangan kekerapan penggunaan kenderaan persendirian dan peningkatan kekerapan untuk berkongsi kenderaan (Rahimi, N. F. L., Rohani, M. M., & Asman, N., 2021).

Bakar, N. A., Asri, N. M., Laili, I. A., & Saad, S. (2019) telah melakukan kajian terhadap masalah kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa mendapati 223 responden menghadapi tiga tahap masalah kewangan dalam kalangan pelajar UKM terhadap amalan pengurusan kewangan pelajar dan tekanan sehingga memberi kesan kepada pembelajaran. Pertama, kebanyakan pelajar yang mempunyai masalah kewangan yang serius ialah dari golongan kelompok B40 iaitu keluarga atau isi rumah berpendapatan rendah, manakala pelajar dari kalangan keluarga berpendapatan sederhana M40 mengatakan walaupun mereka menerima pinjaman pendidikan daripada pihak-pihak tertentu seperti PTPTN, namun jumlah pembiayaan tersebut tetap tidak mencukupi untuk menampung keperluan asas harian. Kedua, majoriti responden menyatakan bahawa mereka berasa kecewa dan menghadapi tekanan serta berasa murung apabila menghadapi masalah kewangan seterusnya menjejaskan proses pembelajaran. Ketiga, masalah kewangan menyebabkan responden terpaksa menghadkan pengambilan makanan utama dan berkhasiat dalam sehari demi menjimatkan wang keperluan bulanan.

Tekanan

Keadaan ekonomi yang semakin menekan dimasa kini, turut memberi tekanan terhadap golongan pelajar termasuk masalah kekurangan pendapatan dan perbelanjaan di sepanjang tempoh pengajian mereka. Akibatnya, terdapat sebahagian pelajar yang menghadapi masalah kekurangan wang sehinggakan terpaksa berjimat cermat dalam pengambilan makanan yang sihat seperti ayam, ikan, dan daging. Konflik kewangan tersebut berlaku adalah disebabkan wujudnya kekeliruan serta tekanan dalam diri pelajar untuk mengenalpasti antara barangan keperluan atau kehendak berikutan kurangnya ilmu tentang pengurusan kewangan dalam diri mereka (Amy Dacyczyn, 2011). Untuk mengatasi permasalahan kekurangan sumber kewangan yang tidak mencukupi telah membuatkan ramai pelajar mengambil langkah untuk membuat kerja sambil samada berniaga, ataupun bekerja di kedai atau jualan secara tidak langsung seperti menjadi agen dropship. Walaupun kerja sambil membantu pelajar untuk mendapatkan wang sampingan, namun pelajar akan berhadapan dengan risiko tidak dapat memberi tumpuan dalam pembelajaran kerana letih bekerja serta tidak dapat menyiapkan tugas yang diberikan di sekolah ataupun universiti.

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Noraznida Husin (2021) mengenai status kewangan dan tekanan dalam kalangan pelajar di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) mendapati pengurusan kewangan yang lemah boleh mengakibatkan pelajar menghadapi tekanan dalam

meneruskan kehidupan harian. Terdapat tiga kesan yang dilihat dalam kajian ini iaitu kesan terhadap prestasi akademik, kesan terhadap tekanan mahasiswa dan kesan terhadap keperibadian mahasiswa. Selain itu, permasalahan kewangan yang ditanggung oleh pelajar boleh menyebabkan mereka mengalami tekanan mental dan fizikal (Misra & Mckean, 2000) Diantara tekanan yang dialami mereka ialah seperti kurang tidur, sakit, mengalami kemurungan, merasa resah dan sering menyendiri (Redhwan et al., 2009). Manakala jika dilihat perbezaan tekanan mengikut jantina pula, V. Sumathi dan K. Gunasundari (2016) membuktikan bahawa wanita adalah golongan yang mudah mengalami tahap tekanan yang tinggi berbanding lelaki. Menurut kajian Miskan, N. H., & Fisol, I. I. M. (2021), faktor yang mempengaruhi pengurusan stres dalam kalangan pelajar ialah beban akademik, pengurusan masa dan pengurusan kewangan. Pernyataan ini juga disokong oleh kajian Aisyah & Wajeeda (2016) yang mengatakan pengurusan kewangan juga merupakan faktor yang paling penting kepada pelajar supaya dapat menguruskan perbelanjaan dengan baik supaya pelajar tidak mengalami masalah ketidakcukupan dalam menanggung kos yang perlu dikeluarkan. Kajian Mod Asri et al. (2017) bersetuju dengan pernyataan tersebut dengan mengatakan bahawa masalah kewangan ini sememangnya boleh menyebabkan tekanan kepada mahasiswa.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan berkenaan reka bentuk kajian, instrumen kajian, populasi dan saiz sampel, prosedur kajian dan prosedur menganalisa data.

Reka Bentuk Kajian

Kaedah analisis deskriptif, korelasi dan regresi digunakan dalam kajian ini. Statistik deskriptif digunakan terutamanya apabila mengumpul maklumat tentang demografi pelajar atau sampel yang sedang dikaji untuk tujuan penerangan dan tafsiran serta mengumpulkan maklumat yang tepat (Davis, J. A, 1971). Analisis korelasi merupakan satu teknik statistik yang digunakan untuk mengukur hubungan dan kekuatan bagi dua pembolehubah yang biasanya dikenali sebagai pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar. Selain itu, analisis lain yang digunakan untuk menjalankan kajian ini ialah analisis regresi. Analisis regresi merupakan teknik statistik yang digunakan bagi menganggarkan garis lurus terbaik untuk menunjukkan hubungan antara pembolehubah bersandar dengan tak bersandar. Garis lurus regresi ini dikenali juga sebagai garis regresi dan persamaan regresi.

Populasi Dan Sampel

Menurut Saunders, Lewis dan Thornhill (2009), populasi adalah sekumpulan individu yang berkongsi ciri-ciri yang sama. Target populasi kajian ini adalah pelajar IPTA dan IPTS. Sampel kajian adalah terdiri pelajar 127 mahasiswa IPTA dan IPTS.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian. Hal ini kerana, Mohd Majid Konting (2005) menyatakan bahawa soal selidik yang digunakan dalam sesuatu kajian dapat meningkatkan kebenaran dan ketepatan maklum balas subjek terhadap soalan yang diberikan. Terdapat lima bahagian dalam borang soal selidik. Bahagian A adalah mengenai demografi pelajar dan faktor keluarga. Antara soalan yang dikemukakan di Bahagian A adalah tentang jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan tertinggi bapa, tahap pendidikan tertinggi ibu, pekerjaan bapa, pekerjaan ibu, pendapatan bulanan bapa dan pendapatan bulanan ibu. Bahagian B, Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E masing-masing mewakili status kewangan, pengetahuan kewangan, tekanan dan masalah kewangan. Bahagian A mengandungi 8 item dan Bahagian B, C, D dan E berjumlah 23 item. Setiap item tersebut diukur dengan menggunakan Skala Likert 5-mata (Sangat setuju = 5; Setuju = 4; Agak setuju = 3; Tidak setuju = 2; Sangat tidak setuju = 1). Wiersma (2000) menyatakan bahawa Skala Likert merupakan skala dengan beberapa mata yang memberikan pengukuran skala ordinal.

Kaedah Pengumpulan Data

Data boleh dikumpul dengan menggunakan salah satu atau lebih kaedah. Pengumpulan data adalah data yang dikumpul dengan menggunakan soal selidik. Kedua-dua jenis data, primer dan data sekunder digunakan untuk mendapatkan keputusan empirikal. Para penyelidik biasanya akan mempertimbangkan untuk menggunakan kedua-dua kaedah pengumpulan data dalam projek penyelidikan untuk memastikan pembolehubah bebas dapat mempengaruhi pembolehubah bersandar dan sesuai dengan objektif kajian. Sebanyak 127 set soalan telah dijawab oleh responden.

Kaedah Penganalisan Data

Apabila semua data-data yang digunakan dikumpul di dalam borang soal selidik yang diperolehi daripada responden maka penyelidik akan memasukkan data tersebut ke dalam komputer untuk dianalisis. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Sosial Science* (SPSS) versi 22. Analisis- analisis yang digunakan dalam kajian ini ialah deskriptif, kolerasi dan regresi.

DAPATAN KAJIAN

I. Analisis Deskriptif

Jadual 1 menunjukkan 98 peratus pelajar merupakan pelajar sepenuh masa yang majoriti merupakan pelajar berusia di antara 19 dan 21 tahun. 68.5 peratus merupakan pelajar dari keluarga berpendapatan B40. Majoriti pelajar (69.3%)

merupakan peminjam PTPTN bagi meneruskan pengajian di IPT. Jadual 3 pula menunjukkan tahap literasi kewangan pelajar adalah tinggi dengan min 4.054. Kajian ini melibatkan latar belakang responden berdasarkan Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Profil Demografi Responden.

Jenis Demografi		Kekerapan	Peratusan (%)
Bangsa	Melayu	125	98.4
	Cina	-	-
	India	-	-
	Lain-lain	2	1.6
	Jumlah	127	100
Jenis Pengajian	Sepenuh Masa	125	98.4
	Sepenuh Masa	2	1.6
	Jumlah	127	100
Tahun Pengajian	1	26	20.5
	2	32	25.2
	3	54	42.5
	4	15	11.8
	Jumlah	127	100
Umur	19 tahun hingga 21 tahun	93	73.2
	21 tahun ke atas	34	26.8
	Jumlah	127	100
PNGK Semester lepas	3.67-4.00	14	11.0
	3.50-3.60	16	12.6
	3.00-3.49	71	55.9
	<2.99	26	20.5
	Jumlah	127	100
Pendapatan isi rumah/ibu-bapa/penjaga	B40	87	68.5
	M40	36	28.3
	T20	4	3.1
	Jumlah	127	100
Pendapatan isi rumah/ibu-bapa/penjaga	Biasiswa JPA	2	1.6
	Pembiayaan PTPTN	88	69.3
	Ibu/Bapa/Penjaga	26	20.5
	Sendiri	4	3.1
	Lain-lain	7	5.5
	Jumlah	127	100

Jadual 2: Interpretasi Skor Min (Davis, 1971)

Penyataan	Skor Min
Tinggi	3.68 – 5.00
Sederhana	2.34 – 3.67
Rendah	1.00 – 2.33

Jadual 3: Analisis tahap Min Pemboleh Ubah

Pemboleh ubah	Min	Tahap
Tahap literasi kewangan mahasiswa	4.054	Tinggi

II. Analisis Korelasi

1. Terdapat hubungan yang signifikan di antara literasi kewangan dengan tekanan mahasiswa

Jadual 4: Hubungan antara literasi kewangan dengan tekanan mahasiswa

Pembolehubah	Tekanan Mahasiswa
Literasi Kewangan	.076

***kesignifikanan berada pada aras 0.01 (2 hala)*

Hasil daripada analisis kolerasi diantara literasi kewangan dengan tekanan mahasiswa menunjukkan nilai $r=.076$ manakala nilai $p>0.05$. Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara literasi kewangan dengan tekanan mahasiswa. Hipotesis ditolak.

2. Terdapat hubungan di antara masalah kewangan dengan tekanan mahasiswa.

Jadual 5 menunjukkan hasil daripada analisis kolerasi diantara masalah kewangan dengan tekanan mahasiswa menunjukkan nilai $r=.564$ manakala nilai $p<0.05$. Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara masalah kewangan dengan tekanan mahasiswa. Hubungan kolerasi ini berada pada tahap sederhana kuat. Hipotesis diterima.

Jadual 5: Hubungan di antara masalah kewangan dengan tekanan mahasiswa.

Pembolehubah	Tekanan Mahasiswa
Masalah kewangan	.564**

***Kesignifikanan berada pada aras 0.01 (2 hala)*

III. Analisis Regresi Berganda

Jadual 6 menunjukkan menerusi analisis regresi pelbagai, hanya satu pemboleh ubah sahaja yang mempengaruhi tekanan pelajar iaitu masalah kewangan. Secara signifikan, skor masalah kewangan [$F=58.256$, $p<0.001$], menyumbang sebanyak 31.8% varians ($R^2 = 0.318$) dalam skor tekanan mahasiswa. Ini bererti kohesi masalah kewangan ($\beta=0.564$, $p<0.001$) merupakan petunjuk utama kepada tekanan mahasiswa.

Jadual 6: Analisis Regresi Berganda (*Method Stepwise*) Bagi Pembolehubah Bebas Yang Mempengaruhi tekanan mahasiswa

Pembolehubah (X)	B	Beta (β)	Nilai-t	Sig.	R ²
Masalah Kewangan	0.520	0.564	7.633	0.000	0.318

Dapatan juga mengemukakan persoalan-persoalan yang telah diberi tumpuan oleh responden terhadap literasi kewangan, tekanan pelajar dan masalah kewangan pelajar. Jadual 7 menunjukkan seramai 75.6 peratus pelajar setuju dan sangat setuju untuk menyediakan belanjawan mingguan/bulanan bagi tujuan memantau memantau perbelanjaan. Manakala 78.8 peratus pelajar setuju dan sangat setuju untuk membuka akaun simpanan yang akan digunakan untuk tujuan kecemasan sahaja. Pelajar juga didapati memahami permasalahan inflasi yang dikemukakan apabila 78.7 peratus pelajar setuju dan sangat setuju inflasi meningkatkan kos sara hidup. Namun begitu, pelajar didapati masih terpengaruh berbelanja mengikut trend apabila 85.8 peratus pelajar bersetuju dan sangat setuju.

Jadual 7: Tahap Literasi Kewangan Pelajar

Item	Peratusan					
	STS	TS	TP	S	SS	Min
Adakah anda bersetuju untuk menyediakan belanjawan mingguan/bulanan untuk pantau perbelanjaan anda, walaupun perbelanjaan yang kecil?	0.8	2.4	21.3	38.6	37.0	4.09
Adalah anda bersetuju untuk membuka akaun simpanan yang hanya akan digunakan untuk tujuan kecemasan sahaja?	0.8	3.1	17.3	40.2	38.6	4.13

Adakah anda bersetuju merekodkan duit keluar (perbelanjaan) dan duit masuk (pendapatan) secara harian untuk menjejaki perjalanan kewangan anda?	0.8	3.1	23.6	42.5	29.9	3.98
Adakah anda bersetuju bahawa inflasi membawa maksud peningkatan kos sara hidup?	1.6	2.4	17.3	35.4	43.3	4.17
Adakah anda bersetuju bahawa inflasi menyebabkan kuasa beli anda semakin berkurang?	1.6	2.4	22.8	33.9	39.4	4.07
Adakah anda bersetuju untuk berbelanja mengikut keperluan lebih daripada berbelanja mengikut trend?	3.1	3.1	7.9	37.8	48.0	4.24
Adakah anda rasa keperluan untuk mengikuti kursus pengurusan kewangan peribadi samada secara <i>offline</i> atau <i>online</i> ?	2.4	4.7	33.1	39.4	20.5	3.71

Tekanan yang dihadapi pelajar dijelaskan melalui Jadual 8. Jadual 8 menunjukkan 59.8 peratus pelajar merasa tertekan dan sedih apabila wang pembiayaan hanya mampu bertahan sehingga pertengahan semester. Malah 54.3 peratus (setuju dan sangat setuju) merasa rendah diri apabila tidak mempunyai wang yang mencukupi. Tidak kurang juga terdapat pelajar yang kecewa kerana tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang (80.3%).

Jadual 8: Tekanan Pelajar Daripada Masalah Kewangan.

Item	Peratusan					
	STS	TS	TP	S	SS	Min
Saya berasa tertekan dan sedih apabila sumber pembiayaan pengajian hampir habis di pertengahan semester?	6.3	12.6	21.3	36.2	23.6	3.58
Saya merasa rendah diri bila mempunyai wang tidak mencukupi untuk berbelanja.	6.3	12.6	26.8	32.3	22.0	3.51

Saya berasa kecewa apabila tidak dapat membantu keluarga yang memerlukan wang.	0.0	4.7	15	33.1	47.2	4.23
Saya merasa tertekan apabila tidak dapat menyertai kawan-kawan untuk berbelanja luar atau melancong kerana kekurangan wang sedangkan kami memiliki sumber pembiayaan pendidikan yang sama jumlahnya.	11.0	15.0	33.9	25.2	15.0	3.18
Saya berasa kecewa kerana tidak bijak menguruskan perbelanjaan peribadi.	2.4	11.0	26.0	40.2	20.5	3.65

Jadual 9 menjelaskan mengenai kesan masalah kewangan ke atas kehidupan pelajar. Kekurangan wang telah mengakibatkan 55.2 peratus (setuju dan sangat setuju) pelajar melakukan pekerjaan sambilan ketika pengajian. Akibat masalah kewangan ini juga telah mengakibatkan pelajar hanya mengambil makanan berat sekali dalam sehari (64.6%). Walau bagaimanapun, pelajar sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju (68.5%) untuk meminjam wang dari rakan ketika mereka tidak mempunyai wang.

Jadual 9: Kesan Masalah Kewangan Ke Atas Kehidupan Semasa Pengajian

Item	Peratusan					
	STS	TS	TP	S	SS	Min
Kekurangan sumber kewangan menyebabkan saya membuat kerja sambilan.	7.1	11.8	26.0	27.6	27.6	3.57
Saya hanya mengambil makanan berat sehari sahaja apabila kekurangan wang.	3.9	11.8	19.7	33.1	31.5	3.76
Saya akan mengasingkan diri daripada orang sekeliling ketika menghadapi masalah kewangan.	18.9	24.4	26.8	13.4	16.5	2.84

Saya akan meminjam duit rakan-rakan untuk belanja harian.	37.8	30.7	19.7	7.1	4.7	2.10
Saya tidak dapat memberi perhatian ketika sesi pembelajaran apabila menghadapi masalah kewangan.	19.7	27.6	30.7	15	7.1	2.62
Saya tidak dapat menyiapkan tugas dan menjawab peperiksaan dengan baik ketika menghadapi masalah kewangan.	28.3	30.7	24.4	11.0	5.5	2.35
Wang mempengaruhi penyertaan di dalam akademik dan kokurikulum.	10.2	14.2	28.3	25.2	22.0	3.35

KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian menunjukkan satu daripada dua pembolehubah tidak bersandar iaitu masalah kewangan mempengaruhi tekanan mahasiswa. Manakala, faktor literasi kewangan merupakan faktor yang tidak mempengaruhi tekanan mahasiswa. Walaupun literasi kewangan tidak mempengaruhi tekanan mahasiswa, literasi kewangan juga mempengaruhi gelagat kewangan (Dana, M. R., & Low, K. C., 2020). Malah pelajar dengan literasi kewangan yang tinggi mempunyai gelagat kewangan yang baik, dan pelajar yang mempunyai tahap literasi kewangan yang rendah cenderung membuat pembelian barang dan perkhidmatan mengikut kehendak mereka (Arofah, Purwaningsih, & Indriayu, 2018). Justeru, disebabkan faktor literasi kewangan mampu memberi kesan yang baik kepada pengurusan kewangan mahasiswa, ianya secara tidak langsung akan mempengaruhi tahap tekanan mahasiswa.

Institusi pengajian tinggi perlu merancang strategi yang berkesan dalam melahirkan mahawasiswa daripada pelbagai bidang mampu memahami dan mengaplikasi literasi kewangan individu bagi menyelesaikan masalah kewangan dan seterusnya mengurangkan tekanan yang dihadapi mahasiswa. Ini seterusnya membolehkan setiap institusi pengajian tinggi menawarkan kaedah modul pengajaran dan pembelajaran pengurusan kewangan yang berhemah dalam membentuk generasi celik kewangan. Selain itu, pelajar perlu bijak mengawal perbelanjaan dengan mengutamakan perbelanjaan pembelajaran berbanding perbelanjaan lain. Ibubapa turut berperanan dengan memantau perbelanjaan pelajar dan membantu ketidakcukupan kewangan pelajar serta tidak terlalu mengharap kepada pinjaman sahaja. Kajian masa hadapan harus fokus dalam faktor lain yang mempengaruhi tekanan mahasiswa kerana tekanan mahasiswa bukan hanya disebabkan masalah kewangan.

RUJUKAN

- Abd Aziz, W. N. A. W., Ahmad, F., & Hanif, N. R. (2011). Pembasmian kemiskinan bandar ke arah bandar inklusif dan sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction and Property*, 2(1).
- Abdul-Rahman, A., & Zulkifly, W. (2016). Faktor penentu pengurusan kewangan: kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2).
- Abdullah, Z., Ismail, S. N., Shafee, S., Shaharom, M. S. N., & Ghani, M. F. A. (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 44-70.
- Aggarwal, C. C., & Philip, S. Y. (2008). A survey of uncertain data algorithms and applications. *IEEE Transactions on knowledge and data engineering*, 21(5), 609-623.
- Aisyah, A.R. & Wajeeha, Z. (2016). Faktor penentu pengurusan kewangan: kes mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85-94.
- Aladdin, Y. H., & Ahmad, A. (2017, April). Tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa. In *Kertas kerja, International Conference on Global Education V Global Education*.
- Amy Dacyczyn (2011). *The Complete Tightwad Gazette*. Random House, Inc.
- Arofah, A. A., Purwaningsih, Y., & Indriayu, M. (2018). Financial literacy, materialism and financial behavior. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 5(4), 370-378.
- Azmi, S. N. S., Rahman, S. A., Ibrahim, S., Muhamad, N., & Esa, M. M. (2019). Amalan pengurusan kewangan mahasiswa. *Journal of Business Innovation*, 3(2), 9
- Baba, R., Nor, N. Z. M., & Hamzah, M. A. F. (2018). Kerja separuh masa: Faktor, status pelajar dan kesan ke atas pencapaian akademik pelajar institusi pengajian tinggi. *Journal of Business Innovation*, 3(1), 86.
- Bakar, N. A., Asri, N. M., Laili, I. A., & Saad, S. (2019). Masalah Kewangan dan Tekanan dalam kalangan Mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar*, 22(2).
- Choi, Á., & Calero, J. (2018). Early school dropout in Spain: Evolution during the great recession. In *European Youth Labour Markets* (pp. 143-156). Springer, Cham.
- Dahlia I, Rabitah H, Zuraidah M. I. (2009). A study on financial literacy of Malaysian degree students. *Cross-Cult.Commun.*, 5(4): 51-59.
- Dana, M. R., & Low, K. C. (2020). Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Gelagat Kewangan Pelajar Universiti. Pengaruh Literasi Kewangan Terhadap Gelagat Kewangan Pelajar Universiti, 520-9528.
- Davis, J. A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. USA: Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Edirisinghe, U. C., Keerthipala, Y, M, S., & Amarasinghe, A, R. (2017). Financial literacy and financial behavior of management undergraduates

- of Sri Lanka. *International Journal of Management and Applied Science*, 3(7), 1-5.
- Ghazali, S. N. H. (2012). Faktor-faktor yang mempengaruhi stres dalam kalangan pelajar kursus secara sambilan (KSS) bidang kejuruteraan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Hahn, J., Jang, K., & Park, H. J. (2014). Financial Literacy of Korean High School Students. In *Anais da 2014 Annual Meeting, USA* (Vol. 2).
- Huriyatul Akmal & Yogi Eka Saputra. 2016. Analisis Tingkat Literasi Keuangan. *Jebi Jurnal Ekonomi dan Bisnis Islam*. 1 (2).
- Jabatan Insolvensi Malaysia. (2017). Bankruptcy Statistics December 2017. Retrieved <http://www.mdi.gov.my/images/document/statistics/Bankruptcy/DISEM BER/202017.pdf>
- Majid, M. Konting. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan.
- Miskan, N. H., & Fisol, I. I. M. (2021). Pengurusan Stres Dalam Kalangan Pelajar Kajian Kes: Kolej Universiti Islam Melaka (Kuim). *Journal of Business Innovation*, 5(1), 33.
- Mod Asri, N., Abu Bakar, N., & Saad, S. (2017). Status kewangan dan tekanan dalam kalangan mahasiswa. *Jurnal Pengguna Makaysia*, 63-83.
- Mohd Samsuri Ghazali, Ilyani Azer, Siti Aisyah Mohamad, Nur Afizah Muhamad Arifin & Azmi Mat. (2017). Personal Financial Literacy among High School Students in Raub Pahang, Malaysia. *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 12 (7): 1830-1834.
- Munir, A., & Muhamad, N. (2019). Cabaran pembelajaran pelajar lepasan Ijazah Pengajian Islam di Malaysia [The learning challenges of post graduate students of Islamic Studies in Malaysia]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 1-15.
- Nadzri, S., Sultan, N. S. M., & Baharudin, N. A. (2016). Kecenderungan pelajar asnaf dalam menceburi dunia keusahawanan. In *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah* (pp. 239-260).
- Noraznida Husin, (2021), Status Kewangan Kewangan dan Tekanan Dalam Kalangan Pelajar, *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)*, e-ISSN: 2756-8938: 408-415.
- Nordin, H., & Singh, D. (2018). Ulasan Elemen Reka Bentuk Antara Muka bagi Meningkatkan Keterlibatan Pelajar terhadap E-Pembelajaran di Institusi Pengajian. *Malaysian Journal of Information and Communication Technology*, 1(2), 89-108.
- Norlaila binti Abu Bakar, Norain binti Mod Asri, Iman Athira binti Laili & Suhaila binti Saad (2019), Masalah Kewangan dan Tekanan dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Personalia Pelajar* 22 (2) : 113-120.
- Nor Syahidah, N., & Norasmah, O. (2018). Kualiti pendidikan pengurusan kewangan dengan tahap literasi kewangan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*, 1(1), 183-193.

- Nurul Liyana Hussin & Liyana Syazwina Rosli, (2019) Literasi Kewangan Dalam Kalangan Pelajar Di KUIM, *Journal of Business Innovation Jurnal Inovasi Perniagaan*. Volume 4 No. 1/ 2019: 102-110
- Rahimi, N. F. L., Rohani, M. M., & Asman, N. (2021). Kesan Variasi Harga Minyak Terhadap Corak Perjalanan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Kajian Malaysia*, 39(2), 203-284.
- Ramasamy, M., Kenayathulla, H. B., & Ghani, M. F. A. (2018). Faktor Sosioekonomi Yang Mempengaruhi Kemahiran Literasi Kewangan Pelajar Sekolah Menengah Di Negeri Sembilan. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 10-33.
- Redhwan, A. A. N., Sami, A. R., Karim, A., Chan, R., & Zaleha, M. (2009). Stress and coping strategies among Management and Science University students: A qualitative study. *IJUM Medical Journal Malaysia*, 8(2).
- Rosli, H. F., Othman, N., & Othman, N. (2021). Keciciran Pelajar Di Peringkat Pendidikan Tinggi: Punca Dan Penyelesaiannya. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 738-747.
- Rubayah Yakob., Hawati Jonar., & Nur Ain Khamis. (2015). Tahap literasi kewangan dalam kalangan pelajar universiti awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *J Pers Pelajar*, 18(1), 98-117.
- Saunders, M., & Lewis, P. dan Thornhill, A. 2009. *Research Methods for Business Students*.
- Selvanathan, M., Krisnan, U. D., & Wen, W. C. (2016). Factors effecting towards personal bankruptcy among residents: case study in Klang valley, Malaysia. *International Journal of Human Resource Studies*, 6(3), 98.
- Seman, A. P., & Ahmad, A. (2017). Pola perbelanjaan dalam kalangan mahasiswa: Satu kajian perbandingan antara IPTA Dan IPTS. In *International Conference on Global Education* (Vol. 4, No. 2, pp. 1-20).
- Syah, N. A. N. M., Sha'ari, H., Nasir, W. N. W. M., & Razaki, M. M. (2022). Faktor-Faktor Muflis dalam Kalangan Belia di Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 3(1), 1-18.
- V. Sumathi dan K. Gunasundari (2016). Problem faced by the women entrepreneurs in India. *International Journal of Management Research and Reviews*, 6(3), 348-354.
- Xiao, J. J., Ahn, S. Y., Serido, J., & Shim, S. (2014). Earlier financial literacy and later financial behaviour of college students. *International Journal of Consumer Studies*, 38(6), 593-601
- Yasmin Huzaimah binti Aladdin, Anuar Ahmad. (2017). Tahap Literasi Kewangan di Kalangan Mahasiswa. *International Conference on Global Education V*.
- Zin, N. A. M., & Tambi, N. (2018). Faktor Kemiskinan Bandar terhadap Pembangunan Pendidikan Golongan Lewat Kembang (Factors of Urban Poverty towards the Development of Late Bloomer's Education). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3).